

Dasar Perlu Kekal Tumpu Perbetul Harga Sumber Bagi Pertumbuhan Jangka Panjang Bernama
5 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 5 Mac (Bernama) -- Meskipun rasionalisasi subsidi akan membawa kepada peningkatan penjimatan dan pertumbuhan ekonomi, dasar-dasar perlu kekal menumpukan kepada membetulkan harga sumber untuk mengekalkan pertumbuhan mapan jangka panjang.

Pusat bagi Kajian Kemiskinan dan Pembangunan Universiti Malaya menyatakan strategi menyokong pertumbuhan dengan penekanan kepada kesaksamaan dan pengagihan perlu dirangka bagi memberi manfaat kepada kumpulan kurang berkemampuan.

"Dasar rasionalisasi subsidi perlu direka bentuk bagi mengiktiraf keperluan lebih khusus golongan miskin di bandar dan luar bandar," kata Ketua pusat tersebut, Profesor Madya Dr Fatimah Kari, kepada pemberita selepas mengumumkan keputusan kaji selidik yang bertajuk "Rasionalisasi Subsidi dan Kesannya kepada Ekonomi dan Isi Rumah Miskin Malaysia".

Fatimah berkata menyasarkan isi rumah miskin dan kurang berkemampuan merupakan satu proses yang memerlukan penambahbaikan berterusan.

"Dasar-dasar yang menumpukan kepada "bahagian penawaran ekonomi" sebagai rangsangan fiskal perlu dilaksanakan untuk meningkatkan pengeluaran dan bekalan dan menurunkan harga.

"Strategi dasar dalam sektor pertanian dan pengeluaran makanan yang menumpukan kepada kecekapan dan menambah baik hasil menerusi penggunaan teknologi baharu boleh digunakan untuk meningkatkan pengeluaran," katanya.

Begitu juga, nilai tokokan dalam saluran pemasaran dan pengedaran perlu disediakan untuk menambah baik kecekapan dan mengurangkan kos penghantaran dari ladang kepada pengguna.

"Usaha perlu dibuat bagi membangunkan kapasiti di kawasan pertanian bagi membolehkan daya saing yang lebih tinggi dalam pengeluaran dan pemasaran dan menggalakkan harga kompetitif dalam sektor berasaskan makanan.

"Instrumen pasaran baharu seperti kerjasama komuniti, penggabungan pengeluar makanan kecil-kecilan dan lebih banyak cawangan pemasaran langsung perlu dibina untuk menurunkan kos dan harga pada paras runcit," katanya.

Beliau juga menekankan kepada keperluan program mesra komuniti dengan aktiviti yang disertai oleh agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan dan sektor swasta.

Menurutnya, sasaran program itu ialah golongan miskin bandar kerana mereka ketika ini bersaing bagi mendapatkan peluang pekerjaan bergaji rendah yang terhad dalam suasana kos hidup yang semakin meningkat.

"Akhir sekali, perlu ada langkah untuk menambah baik kapasiti penyampaian perkhidmatan agensi kerajaan bagi memastikan pertanggungjawaban dan maklum balas yang lebih baik terhadap keperluan golongan miskin bandar," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1019418>